

27/04/1998

Gedung Bumiputera perlu penyelamat

Nor Liza Ahmad

BERMULA dari bawah dengan berniaga di pasar malam tanpa mengenal putus asa didorong oleh semangat gigih, hingga mampu meletakkan dirinya di peringkat tertinggi dalam sebuah syarikat peruncitan tempatan.

Namun manusia hanya mampu merancang tuhan juga yang menentukannya. Kesan kegawatan ekonomi serantau yang melanda negara ternyata memberi kesan buruk kepada beliau berikutan tiadanya modal kerja dan terpaksa menanggung beban hutang tinggi.

Meskipun begitu, ia masih belum mematahkan semangat juang Zakaria Md Shariff, Ketua Eksekutif Mun Loong-Hankyu Jaya Sdn Bhd (Mun-Loong-Hankyu Jaya) untuk menyelamatkan syarikat itu yang kini beroperasi menerusi lapan rangkaian pasar raya.

Silap membuat percaturan terhadap senario ekonomi negara ketika mengambilalih Mun Loong-Hankyu Jaya bernilai RM19.074 juta dari Abrar Corporation Bhd (Abrar) menerusi pengambilan oleh pengurusan (MBO) Jun lalu, ternyata membebankan.

MBO itu dibuat melalui Soprime Sdn Bhd (Soprime) dengan Zakaria pemegang saham utama.

Pengambilalihan itu menyaksikan Mun Loong-Hankyu Jaya muncul sebagai rangkaian peruncitan milik Bumiputera yang masih berkeupayaan untuk bersaing dalam sektor berkenaan. Bagaimanapun dengan tiadanya modal kerja memberi kesan paling ketara kepada kumpulan itu.

Sejak pengambilalihan itu, Mun Loong-Hankyu Jaya hanya mampu membuat pembayaran berjumlah RM1 juta kepada Abrar.

Menurut Zakaria, ketika ini Mun Loong-Hankyu Jaya memerlukan sekurang-kurangnya RM10 juta modal kerja daripada jumlah yang diperlukan sebanyak RM25 juta.

Pelbagai usaha turut dilakukannya untuk memperolehi sumber kewangan bagi memulihkan operasi sedia ada syarikat yang bertumpu kepada kegiatan peruncitan dengan sasaran kepada golongan berpendapatan kecil dan sederhana.

"Sudah tak tahu macam mana lagi saya nak dapatkan bantuan. Naik turun bank sudah tak terkira, semua bank saya cuba dapatkan pinjaman. Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) yang menyediakan pelbagai skim pinjaman pun saya tak lepas peluang.

"Tapi apa hasilnya? Semua membisu," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Apa yang mengecewakannya, ialah kurangnya keyakinan sektor perbankan malah juga kementerian untuk membantu usahawan bermasalah dalam industri peruncitan tempatan.

"Saya sudah tawar hati dengan layanan kementerian yang tidak memberi peluang kepada usahawan Bumiputera seperti saya, malah jika ke bank pula mereka mesti tanya apa yang saya ada.

"Saya bukannya 'somebody', dan juga tidak ada hubungan dengan orang penting tapi apa yang saya harapkan ialah bantuan kewangan daripada mereka dan kepercayaan terhadap perniagaan kumpulan yang masih mampu bersaing, meskipun dalam keadaan ekonomi sekarang.

"Yang pasti orang masih memerlukan makanan dan pakaian walaupun murah," katanya sambil menambah: "Saya sudah bangunkan ramai profesional Melayu tetapi dengan jatuhnya saya, tidak pasti sama ada mereka ini masih ada peluang untuk terus kekal di peringkat sekarang.

Sehingga ke tahap ini beliau sanggup mengeneipkan perasaan malu demi

mendapatkan simpati daripada masyarakat Malaysia yang sentiasa prihatin untuk mendapatkan sumber dana bagi mengukuhkan semula operasi Mun Loong-Hankyu Jaya.

"Saya sudah tidak kisah lagi asalkan ia membuah hasil," katanya sambil menambah kedudukan ekonomi sekarang jelas memerangkap Mun Loong-Hankyu Jaya sebagai mangsa.

Mereka yang berminat boleh menghubunginya di 03-2948030 atau faksimili 03-2948036.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan untuk bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Mac lalu, Mun Loong-Hankyu Jaya mencatat perolehan kumpulan sebanyak RM130 juta.

(END)